

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

BULETIN



BULETIN BIL 4/2021



PROGRAM DAN AKTIVITI



<http://www2.selangor.gov.my/sabakbernam.php>



<https://twitter.com/pdtsbernam>



<https://facebook.com/pejabat.sabakbernam>



ARTIKEL (BULETIN BIL 4/2021)

PENYESUAIAN DENGAN NORMA BARU DI TEMPAT

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

Berikut ialah beberapa Penyesuaian Baharu didalam tempat kerja:

1. Di pintu masuk ke tempat kerja ambil ukur suhu menggunakan thermogun. Sebelum memasuki tempat kerja, penilaian kendiri risiko COVID-19 digunakan untuk memastikan pekerja yang akan memasuki kerja tidak dijangkiti COVID-19.
2. Penyusunan masa bekerja tidak terlalu lama, menyebabkan pekerja tidak mempunyai masa yang cukup untuk berehat yang boleh mengakibatkan penurunan sistem imun atau imuniti badan.
3. Mewajibkan pekerja memakai topeng sejak awal perjalanan ke pejabat atau dari rumah, dan semasa di tempat kerja.
4. Mengawal pengambilan nutrisi makanan yang disediakan oleh tempat kerja, pilih buah-buahan yang mengandungi banyak vitamin C seperti oren, jambu batu, dan sebagainya untuk membantu mengekalkan daya tahan tubuh. Jika boleh, pekerja dapat diberikan suplemen vitamin C.

UNTUK
MENDAPATKAN
MAKLUMAT
DENGAN LEBIH
LANJUT SILA LAYARI
:

🌐 <https://www.moh.gov.my/>

OKTOBER

1 PEJABAT TANAH DAN TANAH SABAK BERNAM

OKTOBER

AKTIVITI GOTONG-ROYONG BAGI PENGEMASAN FAIL FAIL

Aktiviti gotong-royong ini dijalankan bersama-sama staf Unit Pelupusan Tanah pada 09 Oktober 2021 (Sabtu) di bilik fail blok A.

Pada 09 Oktober 2021, aktiviti gotong-royong telah dijalankan oleh staf Unit Pelupusan Tanah bagi mengemas bilik fail. Aktiviti ini bermula dari awal 8:30 pagi sehingga lewat petang



OKTOBER

KURSUS CANVA ANJURAN UNIT ICT

Unit ICT telah melaksanakan kursus tentang pengetahuan asas Canva pada 14 October 2021 di Bilik Mesyuarat Mawar, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam

Kursus Canva yang dianjurkan Unit ICT ini disertai oleh wakil daripada setiap Unit di Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam .

Fasilitator bagi kursus canva adalah Pelajar Praktikal dari Unit ICT.

Jutaan terima kasih kepada semua Unit, bahagian dan urusetia yang bersama-sama memastikan kursus berjalan dengan lancar.



Peserta Kursus Canva sedang mendengar penceramah memberi penerangan



3 PEJABAT TANAH DAN TANAH SABAK BERNAM

OKTOBER

AKTIVITI GOTONG-ROYONG PEMBERSIHAN SEMPENA AUDIT EKSA

Aktiviti gotong-royong yang dijalankan bersama-sama staff Unit Pelupusan Tanah pada 28 Oktober 2021 (Khamis) di Unit Pelupusan Tanah.

Pada 28 Oktober 2021, aktiviti gotong-royong pembersihan sempena audit EKSA telah dijalankan oleh staff Unit Pelupusan Tanah . Aktiviti ini bermula dari awal 8:30 pagi sehingga lewat petang.



4 PEJABAT TANAH DAN TANAH SABAK BERNAM

OKTOBER


KURSUS ADOBE PHOTOSHOP

Unit ICT telah melaksanakan kursus tentang pengetahuan asas Adobe Photoshop pada 29 October 2021 di Bilik Mesyuarat Cempaka, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam

Peserta Kursus Adobe Photoshop (Asas) akan diajar dengan kemahiran asas untuk merekabentuk grafik digital bagi kegunaan web atau multimedia menggunakan perisian Adobe Photoshop.

Kursus ini dilaksanakan melalui kaedah penerangan, demonstrasi dan latihan amali. Ia diharap dapat mengembangkan kreativiti peserta dalam mereka bentuk dan mengolah grafik digital bagi pelbagai kegunaan.

Penyampaian cenderahati untuk penceramah disampaikan oleh Tuan Amri bin Ismail.



NOVEMBER

NOVEMBER

PROGRAM TANAMAN POKOK BEREMBANG MUKIM SUNGAI PANJANG

20 NOVEMBER 2021

BALAI MPKK KAMPUNG PANCHANG BEDENA



Tujuan program diadakan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat setempat tentang amalan pertanian yang tidak menjaskan persekitaran mereka bagi tujuan pemuliharan Alam sekitar demi masa hadapan manusia.

Program Kebun Komuniti Mukim Panchang Bedena telah dirasmikan dengan jayanya oleh Tuan Amri bin Ismail. Program ini turut disertai oleh Pengurus MPKK Mukim Panchang Bedena dan penduduk kampung Panchang Bedena.



Tuan Amri bin Ismail bersama Pengurus MPKK Mukim Panchang Bedena

6 PEJABAT TANAH DAN TANAH SABAK BERNAM

NOVEMBER

PROGRAM KETUK PINTU SEBANYAK 26 PINTU / INDIVIDU

Program Ketuk Pintu (Knock Door) bertujuan untuk menghantar notis tuntutan dan surat peringatan terus kepada penunggak.

Wakil daripada kakitangan Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam mengadakan siri perbincangan bersama penunggak bagi menyelesaikan cukai tanah tertunggak.



NOVEMBER

PROGRAM KEBUN KOMUNITI MUKIM PANCHANG BEDENA

24 NOVEMBER 2021
BALAI MPKK KAMPUNG PANCHANG BEDENA



Tujuan program diadakan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat setempat tentang amalan pertanian yang tidak menjaskankan persekitaran mereka bagi tujuan pemuliharan Alam sekitar demi masa hadapan manusia.

Program Kebun Komuniti Mukim Panchang Bedena telah dirasmikan dengan jayanya oleh Tuan Amri bin Ismail. Program ini turut disertai oleh Pengurus MPKK Mukim Panchang Bedena dan penduduk kampung Panchang Bedena.



Tuan Amri bin Ismail bersama Pengurus MPKK Mukim Panchang Bedena

DISEMBER

8 PEJABAT TANAH DAN TANAH SABAK BERNAM

DISEMBER



MAJLIS PERHIMPUNAN DAN APRESIASI PEGAWAI & KAKITANGAN

Pada 03 Disember 2021, Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah mengadakan Majlis Perhimpunan dan Apresiasi Pegawai dan Kakitangan . Pegawai dan kakitangan berpakaian segak Baju Melayu (Lelaki) dan Baju Kurung (Perempuan)

Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam telah menganjurkan Majlis Perhimpunan dan Apresiasi Pegawai dan Kakitangan . Majlis yang diadakan pada 03 Disember 2021 di Balai Bunga Raya ini untuk meraikan kejayaan staff di PDTSB tahun 2021.

Majlis Perhimpunan dan Apresiasi Pegawai dan Kakitangan telah dihadiri oleh Tuan Pegawai Daerah , Tuan Amri bin Ismail dan OBD Daerah Sabak Bernam YDH.Dato Haji Baharin bin Hj Mat Akhir.

Sebagai tanda penghargaan, beberapa anugerah untuk tahun 2021 telah disampaikan kepada para pemenang.



9 PEJABAT TANAH DAN TANAH SABAK BERNAM

DISEMBER

MESYUARAT ORANG BESAR DAERAH NEGERI SELANGOR BIL 5/2021 .

Mesyuarat Orang Besar Daerah Negeri Selangor Bil5/2021 pada 15 Disember 2021 (Rabu) di Bilik Mesyuarat Cempaka , PDTSB

Mesyuarat Orang Besar Daerah Negeri Selangor Bil.5/2021 dihadiri oleh orang-orang besar Daerah Negeri Selangor , Tuan Pegawai Daerah Tuan Amri bin Ismail dan Tetamu Jemputan. Mesyuarat Orang Besar Daerah Negeri Selangor berlangsung dari 9.30 pagi sehingga 12.30 tengahhari.

Mesyuarat Orang Besar Daerah Negeri Selangor Bil 05/2021 dirasmikan oleh Tuan Pegawai Daerah Sabak Bernam iaitu Tuan Amri bin Ismail.



DISEMBER

MISI BANTUAN MENCUCI MASJID DAN PREMIS KERAJAAN SETELAH BANJIR DI KLANG

Misi bantuan mencuci masjid dan premis kerajaan setelah banjir pada 14 DISEMBER 2021 di Klang, Selangor.

Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam Sebagai agensi Kerajaan yang cakna dan prihatin dengan situasi bencana melanda negara, wakil dari setiap unit di Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam akan bergerak membantu mangsa banjir di masjid dan Premis Kerajaan secara sukarela . Ini bagi meringankan sedikit beban yang dipikul oleh Mangsa Banjir di Selangor.



DISEMBER

PEMBERIAN BARANG KEPUNYAAN BANJIR KEPADA MANGSA BANJIR DI KLANG

Tarikh : 19 Disember 2021

Tempat : Klang , Selangor

Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam (PDTSB) bekerjasama menyampaikan bantuan kepada lebih 1,000 penduduk terjejas banjir.

Sumbangan kit bantuan banjir termasuk keperluan harian serta makanan diagihkan kepada mangsa banjir di Klang Selangor melalui program Pemberian Barang Kepunyaan Banjir.

Pengagihan bantuan dan sumbangan adalah berdasarkan kelulusan pihak berkaitan serta selaras dengan panduan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan.

"Sumbangan ini juga tanda prihatin PDTSB terhadap golongan memerlukan. Semoga dengan sumbangan ini dapat meringankan beban kesusahan dan emosi ditanggung mangsa.



PENGHANTARAN BANTUAN BARANG KEPERLUAN KEPADA MANGSA BENCANA DI HULU LANGAT

Tarikh : 24 Disember 2021

Tempat : Pusat Pengumpulan di PDTHL

Kakitangan PDTSB bersama-sama berganding bahu memindahkan barang keperluan ke dalam lori JKR untuk mangsa banjir.

Terima kasih kepada semua agensi dan orang awam yang menghulurkan bantuan kepada mangsa bencana



12 PEJABAT TANAH DAN TANAH SABAK BERNAM

DISEMBER



Misi Bantuan Sukarelawan Pembersihan Pasca Banjir PDTSB Sekolah Menengah Kebangsaan Meru , Klang.

Tarikh : 24 Disember 2021

Tempat : SMK Meru , Klang

SELANGOR : Pasukan Sukarelawan hari ini meneruskan misi bantuan kepada mangsa banjir dengan melakukan kerja-kerja pembersihan kawasan persekitaran di SMK Meru , Klang, Selangor.

Misi ini disertai beberapa sukarelawan terdiri daripada pegawai dan kakitangan PDTSB .



DISEMBER

PENGHANTARAN BARANG KEPERLUAN MANGSA BANJIR

Tarikh : 31 Disember 2021

Tempat : Balai Bunga Raya

Penghantaran Bantuan Keperluan mangsa banjir ke daerah Hulu Langat oleh lori Jabatan Kerja Raya bersama-sama dengan 8 orang anggota .



15 PEJABAT TANAH DAN TANAH SABAK BERNAM

DISEMBER

PENYAMPAIAN BANTUAN SELANGOR BANGKIT



SABAK

Tarikh : 31 Disember 2021
Tempat : Sabak

Sabak : SERAMAI 35 mangsa banjir kilat di Sabak menerima Bantuan Wang berjumlah RM1000 .



Sumbangan berupa wang tunai itu diserah oleh YB Tuan Ahmad Mustain Bin Othman.



DISEMBER

BANTUAN SELANGOR BANGKIT (BSB) DISEMBER 2021 MUKIM SUNGAI PANJANG



Tujuan program diadakan untuk membantu penduduk di selangor yang terjejas dengan bencana banjir . Sumbangan berupa wang tunai RM1000 ini diserah oleh Tuan Zainol Azmi bin Abd Rahman.

Sebanyak 2 keluarga yang terjejas dengan bencana banjir menerima Bantuan Selangor Bangkit (BSB) .



**Tuan Zainol Azmi Bin Abd Rahman
menyerahkan Bantuan Selangor
Bangkit(BSB)**

DISEMBER

BANTUAN SELANGOR BANGKIT

(BSB) DISEMBER 2021
MUKIM SUNGAI AIR TAWAR



Tujuan program diadakan untuk membantu penduduk di selangor yang terjejas dengan bencana banjir . Sumbangan ini merupakan sumbangan berupa wan tunai berjumlah sebanyak RM1000

Beberapa keluarga yang terjejas teruk dengan bencana banjir menerima Bantuan Selangor Bangkit (BSB) .



Penyerahan sumbangan Bantuan Selangor Bangkit (BSB)

JUTAAN TERIMA KASIH KEPADA

**TUAN AMRI BIN ISMAIL,
YDH. DATO HAJI BAHARIN BIN HJ MAT AKHIR,
ENCIK NAZRIN IZWAN BIN MOHD NOH,
ENCIK ZAIN AZMI BIN MOHD NOR,
ENCIK MOHAMAD MARWAN BIN AHMAD TAJURI,
ENCIK MOHD FAIRROS BIN JOHARI,
ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM,
NOOR ALIZA BINTI HAMIN,
NORHAYATI BINTI SAIMON,
NOR AZIAH BINTI ISMAIL,
ROHAIDAH BINTI MUHAMAD,
ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD.**

DAN

**SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK
YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU
SECARA TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN
BULETIN PDTSB BIL.04/2021
(OKTOBER HINGGA DISEMBER 2021)**